


ANALISIS STRATEGIK DASAR PENDIDIKAN



Abdul Rahman Idris • Hussein Haji Ahmad
Sufean Hussin

9595
ARI

Simin Ghavifekr • Mohammed Sani Ibrahim




ANALISIS STRATEGIK DASAR PENDIDIKAN

Kred
YABhg, Tien Dr. Mahathir Mohamad
Chairman, Human Life Advancement
Foundation and 4th Premier of Malaysia

Dred
Dato Dr. Hussein R. Ahmad
Senior Research Fellow
Dept. of Educ. Mgmt. Planning & Policy
Faculty of Education, Univ of Malaya
Kuala Lumpur.

Highest regards & respect, Sir!

Hussein R. Ahmad
24/4/20



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

ANALISIS STRATEGIK DASAR PENDIDIKAN

Abdul Rahman Idris • Hussein Haji Ahmad
Sufean Hussin
Simin Ghavifekr • Mohammed Sani Ibrahim



PENERBIT
UNIVERSITI
MALAYA

PUSTAKA PERDANA



1010988



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

#250763

Diterbitkan oleh
Penerbit Universiti Malaya
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
<http://umpress.um.edu.my>
www.umpress.com.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT NO : AR 2760

Ahli Pengasas Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. 196906
Ahli Pengasas Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Abdul Rahman Idris et al., 2014

Semua hak terpelihara.
Tiada mana-mana bahagian jua
daripada penerbitan ini
boleh diterbitkan semula atau disimpan
dalam bentuk yang boleh diperolehi semula
atau disiarkan dalam sebarang bentuk
dengan apa cara sekali pun
termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi,
rakaman atau lain-lain tanpa
mendapat izin daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Abdul Rahman Idris
Analisis Strategik Dasar Pendidikan / Abdul Rahman Idris,
Hussein Haji Ahmad, Sufean Hussin, Simin Ghavifekr.
Mohammed Sani Ibrahim.
Includes index
Bibliography : page 191
ISBN 978-983-100-744-0
1. Education planning—Malaysia.
2. Education—Malaysia
3. Education and state—Malaysia.
I. Hussein Haji Ahmad.
II. Sufean Hussin, 1956-.
III. Simin Ghavifekr.
IV. Mohammed Sani Ibrahim
V. Judul.
370.9595

Dicetak oleh
Penerbit Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

370.9595
ARI



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Kandungan

Senarai Rajah dan Jadual Prakata

***ix
xi***

1	
Dasar Sistem Pendidikan: Perspektif Teori dan Pencapaian, 1956-2014	1
Teori Pendidikan Mengenai Amalan dan Dasar di Malaysia	2
Perkembangan Dasar yang Menentukan Amalan dan Falsafah Pendidikan di Malaysia, 1956-2012	5
Sejauh manakah Pencapaian Dasar Pendidikan Malaysia?	9
Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan untuk Integrasi Nasional	11
Dasar Demokrasi Pendidikan dan Kesaksamaan Akses	13
Dasar Membina Negara bangsa 1Malaysia	16
Dasar Pembangunan Sains & Teknologi	17
Dasar Peningkatan Kualiti Pendidikan	19
Dasar Peningkatan Prestasi Organisasi Pendidikan	25
Dasar Modal Insan Negara	27
Dasar Ekuiti Sosial	30

2 **Cabaran Transformasi Pendidikan Awam Malaysia: Analisis Dasar Strategik PPPM 2013-2025**

	34
Pengertian Transformasi	34
Transformasi Pendidikan: Persoalan	34
Isu-Isu Fundamental: Transformasi Peringkat Makro	36
Kontroversi Prestasi Sistem Pendidikan Negara	38
Cabaran Pelbagai Dimensi: Anjakan Paradigma	40
Tonggak Utama ke arah Transformasi Pendidikan Berkualiti	41

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia: Strategi, Kritikan dan Syor	44
Penguasaan Bahasa Melayu	44
Dasar 'English Intensification Program' untuk Penguasaan Bahasa Inggeris	46
Pendidikan j-QAF dan Moral/Sivik: Kelemahan dan Transformasi	47
Perkembangan Sekolah Pelbagai Jenis: Cabaran Perpaduan	48
Penerapan Nilai Perpaduan dan Integrasi Nasional	49
Penilaian Prestasi Sistem Pendidikan oleh Pakar Luar	50
Transformasi Strategik Pendidikan Vokasional-Teknikal	51
Dasar Transformasi Strategik Pendidikan Guru Pelatih di IPG	51
Dasar Transformasi Pendidikan Strategik: Prasekolah	52
Dasar Transformasi Pendidikan Strategik: Sekolah Rendah	53
Dasar Transformasi Pendidikan Strategik: Sekolah Menengah	54
Dasar Strategik Pendidikan: Pendidikan Pasca Menengah Tingkatan 6	57
Dasar Transformasi Strategik Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Vokasional & Kemahiran	58
Dasar Strategik Pendidikan: Universiti	58
Dasar Pembelajaran Aktif: Strategi Menangani Kelemahan Kemahiran Insaniah	59

3

Dasar Perluasan Pendidikan Prasekolah di Malaysia	69
Dasar Awam dan Dasar Pendidikan	69
Analisis Dasar	71
Model Dasar Awam	72
Dasar Pendidikan Prasekolah	74
Perbincangan Masalah Dasar	76
Teori dan Konsep	78
Model dan Pendekatan	79
Penggubalan Dasar Perluasan Pendidikan Prasekolah	81
Faktor yang Mempengaruhi Penerimaan Dasar	82
Masalah yang Timbul dan Cadangan Penyelesaian	82
Pelaksanaan Dasar	89
Pelaksanaan Dasar Perluasan Pendidikan Prasekolah	90
Aspek Pendekatan	93
Perbincangan dan Penilaian Pelaksanaan Dasar	96

4

Fasa Kitaran Dasar dalam Sistem Pendidikan Malaysia Sekolah Bestari	101
Fasa 1: Fasa rintis sekolah bestari (1999 hingga 2002)	102
Fasa 2: Fasa pasca rintis sekolah bestari (2002-2005)	102
Fasa 3: Fasa pengenalan Standard Kelayakan Sekolah Bestari (2005-2010)	102
Fasa 4: Fasa konsolidasi dan kestabilan sekolah bestari (2010-2020)	103
Kitaran Dasar Sekolah Bestari	105

Fasa Pertama: Penggubalan Dasar	106
Fasa Kedua: Pelaksanaan Dasar	110
Unsur-unsur Utama dalam Pelaksanaan Dasar Sekolah Bestari	112
Fasa Ketiga: Pemantauan Dasar	114
Fasa Keempat: Penilaian Dasar	115
Kaedah Penyelidikan	117
Dapatan Kajian	117
Fasa Pelaksanaan	119
Fasa Pemantauan	120
Fasa Penilaian	122
Perbincangan, Kesimpulan dan Cadangan	123

5

Dasar dan Perubahan

Paradigma Baharu untuk Dasar Pendidikan	127
Teori-teori yang Bercanggah Berkaitan Reformasi	128
Pendekatan 'Atas-Bawah' dan 'Bawah-Atas'	129
Dasar dan Realiti Perubahan	131
Pengajaran daripada Pembaharuan Kurikulum Sebelum Ini	132
Usaha Memperbetulkan	134
Standard untuk Pembelajaran Pelajar	135
Standard dan Sokongan untuk Pengajaran	140
Membina Permuafakatan Baru Antara Penyelidikan, Dasar dan Amalan	146
	151

6

Dasar Kerja Rumah

Dasar-dasar Pembaharuan dalam Pengurusan Kerja Rumah	155
Kerja rumah sebagai pembudayaan amalan- pelbagai disiplin dan domain ilmu	156
Memahami kepentingan sifat dan tujuan tugas kerja rumah dari perspektif pelajar	157
Pembekalan bahan-bahan yang diperlukan untuk menyokong pembelajaran pelajar daripada kerja rumah	158
Mempertimbangkan cara-cara kerja rumah dikaitkan dengan amalan-amalan pentaksiran	159
Mempertimbangkan peranan famili dan sumber-sumber komuniti dalam amalan kerja rumah	160
Dasar-dasar kerja rumah nasional	161
Ciri-ciri dasar kerja rumah nasional	162
Dasar nasional, kuantiti kerja rumah dan masa kerja rumah	163
Dasar kerja rumah nasional dan tujuan kerja rumah	163
Dasar Kerja Rumah Nasional dan Pemberian Bahan	164
Dasar Kerja Rumah Nasional dan Pentaksiran	164

Kajian kes tentang dasar pendidikan nasional yang mempengaruhi pembentukan dan hala tuju amalan kerja rumah	165
Dasar Kerja Rumah Dan Amalan Di Finland	165
Sekolah Kerajaan di New South Wales, Australia: Dasar Kerja Rumah Jabatan Pendidikan dan Latihan	167
Penilaian terhadap Dasar Kerja Rumah Jabatan Pendidikan dan Latihan New South Wales	169
Dasar Kerja Rumah Lembaga Sekolah Daerah Ontario-Toronto, Kanada	172
Menilai dasar kerja rumah Lembaga Sekolah Daerah Toronto	174
Dasar Kerja Rumah Menyokong Dokumen daripada Amerika Syarikat	175
Penilaian Terhadap Dokumen Sokongan Kerja Rumah Amerika Syarikat	177
Membangunkan Dasar Kerja Rumah yang Komprehensif Beberapa Kejutan daripada Tinjauan	178
Ke Arah Pembangunan Dasar Kerja Rumah Sekolah di Malaysia	180
Tanggungjawab Kerja Rumah	181
Tanggungjawab Pelajar	181
Tanggungjawab Ibu Bapa	181
Tanggungjawab Guru	182
Tanggungjawab Pengetua/Guru Besar	183
Dasar Kerja Rumah di Malaysia	183
Cadangan Kandungan Dasar Kerja Rumah Sekolah Malaysia	185
Kerja Rumah	185
Peraturan	186
Bibliografi	191
Indeks	203

Senarai Rajah dan Jadual

Rajah

Rajah 1.1:	Perkembangan Dasar dan Sistem Pendidikan Kebangsaan	5
Rajah 1.2:	Matlamat Akta Pendidikan 1996	10
Rajah 2.1:	Mentransformasi Pendidikan: Model Cabaran Pelbagai Punca	42
Rajah 2. 2:	Model Konsep Pembelajaran Aktif	60
Rajah 2. 3:	Model Sistem Pembangunan Insaniah: Pendekatan Pembelajaran Aktif	61
Rajah 2.4:	Model Pembelajaran Aktif: Penentu-penentu Berkesan	62
Rajah 3.1:	Perkaitan antara masalah, isu dan dasar	75
Rajah 3.2:	Dasar Awam, Pembangunan Masyarakat dan Persekitaran (Sabitha 1997).	98
Rajah 4.1:	Empat fasa dasar sekolah bestari Malaysia	104
Rajah 4.2:	Sepintas pandang terhadap fasa-fasa kitaran dasar dengan penekanan kepada visi, misi, matlamat, objektif dan nilai.	105
Rajah 4.3:	Pendekatan serentak dasar Sekolah Bestari	107
Rajah 4.4:	Matlamat dan strategi dalam penggubalan dasar sekolah bestar	109
Rajah 4.5:	Struktur Pelaksanaan Dasar Sekolah Bestari di Malaysia	111
Rajah 4.6:	Unsur-unsur utama dalam model konseptual sekolah bestari di Malaysia	114
Rajah 5.1:	Dasar dan Proses Perubahan	139

Jadual

Jadual 1.1:	Taburan Kekerapan, Peratus, Min, dan Sisihan Piawai Tentang Pelaksanaan Kategori Dasar Pelajaran Kebangsaan untuk Integrasi Nasional	12
Jadual 1.2:	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Dasar Demokrasi Pendidikan dan Akses	15
Jadual 1.3:	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Kategori Dasar Membina Negara bangsa 1 Malaysia	18
Jadual 1.4:	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Dasar Pembangunan S & T	20
Jadual 1.5:	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Mengenai Dasar Peningkatan Kualiti Pendidikan di Malaysia	22
Jadual 1.6:	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai (SP) Bagi Kategori Dasar Prestasi Organisasi Pendidikan	26
Jadual 1.7:	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Dasar Modal Insan Negara	28
Jadual 1.8:	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai (SP) Bagi Dasar Ekuiti Sosial	31



Prakata

“Analisis Strategik Dasar Pendidikan” dipilih sebagai fokus penulisan buku ini atas beberapa rasional utama. Dasar pendidikan merupakan satu cabang dasar awam terpenting yang menyumbang secara langsung terhadap pencapaian visi, misi dan matlamat pembangunan sesebuah negara. Di samping mendukung matlamat negara analisis strategik dasar pendidikan melibatkan pihak berkepentingan yang ramai, memberi impak jangka panjang yang meluas ke atas pembangunan sistem pendidikan negara, memerlukan pelaburan yang besar, menghasilkan pulangan langsung dan tidak langsung kepada modal insan negara, serta memartabatkan sistem pendidikan negara sejajar dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia dengan menawarkan pendidikan bertaraf dunia. Perbincangan tentang dasar pendidikan strategik adalah bertepatan dengan pelancaran Pelan Awal Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 pada bulan Mac 2013. Pelan strategik ini merupakan kesinambungan kepada pelan induk dan pelan strategik pendidikan sebelumnya, iaitu Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010; Pembangunan Pendidikan 2001 – 2010; Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007 – 2020; dan Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007 – 2010. Kini, kita boleh merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 edisi mutakhir yang dilancarkan pada 6 September 2013.

Analisis dasar adalah satu disiplin penyelesaian masalah yang dibina atas teori, kaedah, dan hasil kajian substantif dalam bidang sains sosial dan “behavioral”, profesion sosial, serta falsafah sosial dan politik. Justeru, analisis dasar merupakan satu proses yang bersifat pengkajian “*multidisciplinary*” yang direka khusus untuk menghasil, menilai secara kritis, dan menyebarkan maklumat yang dipercayai sangat berfaedah untuk memahami dan menambah baik dasar. Analisis dasar juga dijalankan untuk menentukan alternatif dasar yang manakah dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan dengan mengambil kira hubungan antara dasar dan matlamat. Para pengkaji dan pakar dasar awam telah mengklasifikasikan analisis dasar kepada dua kategori. Pertama, analisis dasar

(*analysis of policy*) yang bersifat analitikal dan deskriptif, untuk menghuraikan dasar dan perkembangannya. Kedua, analisis untuk dasar (*analysis for policy*) bersifat preskriptif, yang melibatkan penggubalan dasar dan cadangan. Pemilihan kategori analisis ini bergantung kepada tujuan dan bidang kepentingan yang terlibat.

Terdapat beberapa pendekatan analisis dasar yang boleh dikategorikan kepada tiga iaitu pendekatan "*analycentric*", pendekatan proses, dan pendekatan "*meta-policy*". Pendekatan "*analycentric*" memfokuskan kepada masalah individu dan penyelesaian masalah tersebut. Bidangnya berskala mikro dan interpretasi masalah bersifat teknikal. Tujuan utama analisis ialah mencari penyelesaian masalah yang paling cekap dan berkesan dalam konteks ekonomi dan teknikal. Dengan kata lain pengagihan sumber yang cekap mendasari pemikiran pendekatan ini. Kedua, pendekatan proses yang berfokus kepada proses politik dan melibatkan pihak berkepentingan. Bidangnya berskala "meso" dan interpretasi masalah lazimnya bersifat politik. Tujuan utama analisis ialah menentukan proses dan kaedah yang digunakan dan cuba menghuraikan peranan, pengaruh dan penglibatan pihak berkepentingan dalam proses dasar. Penyelesaian kepada masalah diperoleh melalui perubahan dalam kuasa dan pengaruh kumpulan berkepentingan. Ketiga, pendekatan "*meta-policy*" yang berpaksikan pendekatan sistem dan konteks. Bidangnya berskala besar, atau makro dan interpretasi masalah bersifat struktur. Tujuan analisis ialah menghuraikan faktor kontekstual kepada proses dasar, seperti faktor politik, ekonomi, dan sosiobudaya. Jika masalah dasar timbul disebabkan faktor struktur, seperti sistem ekonomi atau institusi politik, maka penyelesaiannya menuntut perubahan struktur itu sendiri.

Para penganalisis menggunakan kaedah kuantitatif, kualitatif, dan gabungan kedua-dua kaedah tersebut dalam menganalisis sesuatu dasar. Bagi memantapkan analisis, mereka menggunakan model-model dasar awam dalam mengenal pasti aspek penting sesuatu dasar, menghurai dan meramal dasar dan kesannya. Antara model – model dasar yang telah dibina oleh pakar dan sarjana dalam bidang dasar awam adalah model institusi, model rasional, model proses, model kumpulan, model elit, dan model inkremental. Penganalisis boleh menggunakan model tertentu atau gabungan model untuk menganalisis sesuatu dasar dengan lebih sempurna.

Buku ini menyajikan enam bab tentang Analisis Strategik Dasar Pendidikan Malaysia. Penganalisisnya menggunakan pendekatan, kaedah, dan model yang disebutkan di atas dengan sangat berkesan. Bab pertama, membincangkan teori pendidikan yang mencerminkan dasar dan amalan pendidikan di Malaysia. Selanjutnya, bab ini mengupas secara analitikal dasar, amalan, falsafah pendidikan, dan prinsip pembuatan dasar. Dapatan kajian mengenai pencapaian dasar-dasar pendidikan di Malaysia sejak 1960 hingga 2010 turut dibentang bagi tujuan refleksi dan pertimbangan masyarakat.

Bab kedua menganalisis dasar-dasar strategik yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 yang sedang han



diperdebatkan. Analisisnya bersifat “*meta-policy*” dan menghuraikan struktur, sistem, proses, institusi, politik, ekonomi, sosiobudaya, dan kenegaraan. Analisis dasar bermula dari peringkat makro dan menjurus kepada dasar spesifik atau mikro.

Dalam bab ketiga, penulis telah membentangkan hasil analisis ke atas satu dasar strategik yang penting iaitu Dasar Perluasan Pendidikan Pra-Sekolah. Dasar ini dianalisis melalui aplikasi teori, konsep, model dan pendekatan analisis dasar bagi memahami lebih mendalam tentang masalah di sebalik dasar, perdebatan masalah dasar, penggubalan dan penerimaan dasar, pelaksanaan dasar, dan penilaian dasar. Perakuan dasar juga dibentangkan untuk pertimbangan penggubal dasar.

Bab keempat juga membentangkan hasil analisis satu dasar strategik pendidikan Malaysia, iaitu Dasar Sekolah Bestari. Idea utama bab ini adalah untuk menganalisis proses pembangunan kitaran Dasar Sekolah Bestari dalam konteks sistem Pendidikan Malaysia yang berkaitan dengan persekitaran pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi. Penulis telah menggunakan model proses dasar sebagai asas kepada analisis kitaran dasar ini.

Dalam bab kelima, penganalisis telah menggariskan satu paradigma untuk dasar pendidikan yang sesuai diguna pakai dalam zaman yang penuh dengan kompleksiti. Paradigma itu ialah pendekatan yang inklusif untuk dasar yang mengkombinasikan dan mengintegrasikan pendekatan-pendekatan bawah-atas dan atas-bawah di dalam suatu kerangka kerja yang lebih bersifat pengupayaan bagi semua konteks. Proses dasar perlu mendapatkan konsensus politik, perlu wujudnya ekuiti, dibangunkan dan menguatkuasakan standard dan membina kapasiti lokal supaya sekolah menjadi lebih kondusif untuk orang bekerja di bilik-bilik darjah. Dasar-dasar yang digubal perlu prihatin terhadap proses pembelajaran dan bukannya pematuhan, serta prihatin tentang sokongan seperti desakan dan tuntutan.

Bab keenam, menerokai tentang strategi dalam penggubalan dasar kerja rumah sekolah-sekolah di Malaysia. Bagi membangunkan dasar ini ekoran daripada pengisytiharan *Surat Pekeliling Ikhtisas No. 12/2004, Garis Panduan Umum Pemberian Kerja Rumah kepada Murid Sekolah* pada tahun 2004, kita perlu mengkaji segala aspek yang perlu dipertimbangkan dalam proses penggubalan sesuatu dasar kerja rumah sekolah. Ini boleh kita pandukan kepada proses penggubalan dasar kerja rumah di empat negara maju bagi tujuan penanda aras untuk Malaysia. Negara-negara yang dipilih ialah Finland, Australia, Kanada dan Amerika Syarikat. Bagi menggubal dasar kerja rumah sekolah-sekolah di negara ini, penulis telah mengkaji secara teliti dan membuat penilaian terhadap dasar kerja rumah sekolah-sekolah di negara-negara tersebut dari segi kelebihan dan kelemahannya sebagai panduan untuk menggubalkannya. Beberapa cadangan telah dikemukakan tentang apa yang seharusnya terkandung di dalam dasar kerja rumah sekolah-sekolah di Malaysia. Semoga ia dapat difahami, dihayati, dilaksanakan dan dipantau bagi memastikan pengurusan kerja rumah di sekolah-sekolah Malaysia adalah bertaraf dunia.

Buku ini menambah khazanah ilmu dalam bidang analisis dasar awam, khususnya dasar pendidikan yang masih berkurangan, terutama yang ditulis oleh pakar, dan cendekiawan tempatan. Para penulis adalah ahli akademik dan penganalisis dasar yang berpengalaman luas dalam penggubalan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian dasar-dasar pendidikan negara. Pengalaman bertugas di Kementerian Pendidikan Malaysia, dan pengalaman sebagai penyelidik ilmiah dasar pendidikan merupakan kelebihan besar yang telah menghasilkan buku ini dengan jayanya. Hasil analisis yang dibentangkan dalam buku ini pastinya memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berautoriti, perancang, penggubal dan pembuat keputusan, para eksekutif, guru, pelajar dan sekolah di seluruh negara. Sama ada kita sedar atau tidak, semua guru terlibat dalam dasar-dasar pendidikan, terutama sebagai pelaksana dasar di peringkat sekolah. Buku ini memberikan alat analisis (*analytical tools*) kepada para pembaca untuk membolehkan mereka menganalisis mana-mana dasar awam khususnya dasar pendidikan. Justeru, gunakanlah alat ini dengan cara yang cekap dan berkesan demi menambah baik dasar-dasar pendidikan negara kita.

Abdul Rahman Idris
Hussein Haji Ahmad
Sufean Hussin
Simin Ghavifekr
Mohammed Sani Ibrahim

Jabatan Pengurusan, Perancangan & Dasar Pendidikan
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya

1

Dasar Sistem Pendidikan: Perspektif Teori dan Pencapaian, 1956-2014

Sebelum kedatangan penjajah Inggeris ke Tanah Melayu pada akhir abad ke-18, sudah ada sekolah pondok dan madrasah sebagai pusat mentarbiyahkan dan mendidik anak-anak Melayu Islam dengan kurikulum yang mengandungi Fardu Ain, al-Quran, hadis, Bahasa Arab, Tauhid, Fiqah, Sejarah Islam, Ilmu Alam, Tafsir, dan Usuluddin. Gerakan mengembangkan syiar Islam melalui pembinaan sekolah pondok dan madrasah telah berlaku sejak abad ke-15 lagi, bukan sahaja di Tanah Melayu malahan di seluruh rantau Nusantara yang meliputi Sumatera, Jawa, Selatan Thailand, Borneo, Sulawesi, Makasar, dan Mindanao, sejajar dengan perkembangan kerajaan dan kesultanan wilayah berkenaan. Dasar yang terpahat dalam kerajaan Melayu di Nusantara dalam abad ke-15 hingga ke-20 ialah adat bersendikan syarak untuk menjamin kelangsungan kerajaan dan budaya bertamadun berasaskan ajaran Islam.

Kedatangan pedagang Sepanyol, Portugis, Belanda, dan Inggeris ke wilayah Nusantara telah diikuti dengan pasukan tentera mereka bagi menakluki sesetengah pelabuhan dan kawasan strategik, dan ini diikuti oleh kedatangan mubaligh Kristian bagi mengembangkan agama Kristian. Di Tanah Melayu dalam tempoh abad ke-18 hingga abad ke-20, kolonialisme Inggeris merupakan satu kuasa sejarah yang kuat dan telah merubah landskap politik, kerajaan, ekonomi, sosial, dan pendidikan hingga ke hari ini. Contohnya, warisan kolonialisme itu dapat dilihat kepada sistem kerajaan demokrasi bermonarki, perwakilan rakyat dalam pembuatan dasar dan undang-undang di Parlimen, sistem kehakiman dan undang-undang ala di England, gereja-gereja yang diasaskan oleh mubaligh Kristian dari Eropah, dan sekolah-sekolah dengan nama raja dan pemerintah Inggeris.

Kuasa sejarah kolonialisme Inggeris juga telah mewariskan vernakularism dalam sistem pendidikan seperti yang ada pada hari ini. Kelangsunga vernakularisme didasari oleh fahaman polarisasi demi untuk pengekalan identiti etnik dan keaslian budaya kaum bukan pribumi, dengan dakyah dan andaia



Pendidikan berkualiti adalah wahana yang paling berkesan bagi mempengaruhi pembangunan diri individu serta menyediakan pelbagai peluang bagi mencorakkan kehidupan masa depan. Oleh itu pelbagai dasar digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memenuhi keperluan tuntutan-tuntutan baharu demi memperkasakan kualiti pendidikan negara. Buku *Analisis Strategik Dasar Pendidikan* bertujuan untuk mengemukakan pandangan berasaskan hasil kajian tentang analisis dasar yang merupakan satu disiplin penyelesaian masalah yang dibina atas teori, kaedah dan hasil kajian substantif dalam bidang pendidikan. Analisis dasar juga dijalankan untuk menentukan alternatif dasar yang manakah dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan dengan mengambil kira hubungan antara dasar dengan matlamat. Para penganalisis menggunakan kaedah kuantitatif, kualitatif dan gabungan kedua-dua kaedah tersebut dalam menganalisis sesuatu dasar. Buku ini menyajikan enam Bab tentang Analisis Strategik Dasar Pendidikan. Enam dasar yang dibincangkan di dalam buku ini ialah hasil-hasil dapatan mengenai pencapaian dasar-dasar pendidikan Malaysia sejak 1960 hingga 2010, menganalisis dasar-dasar strategik yang terkandung dalam Pembangunan Pendidikan 2001-2010, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007-2020, Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007-2010, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Dasar Perluasan Pra-Sekolah, Dasar Sekolah Bestari, Dasar dan Perubahan dan Dasar Kerja Rumah untuk amalan di sekolah-sekolah di Malaysia. Buku ini diharap dapat dijadikan panduan kepada para pendidik untuk menghadapi cabaran dan kekangan penyelesaian masalah pelaksanaan dasar pendidikan dalam era globalisasi bagi pembangunan modal insan berkualiti. Hasil analisis yang dibentangkan dalam buku ini pastinya memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berautoriti, perancang, penggubal dan pembuat keputusan, para eksekutif, guru, pelajar dan sekolah di seluruh negara.



PENERBIT
UNIVERSITI
MALAYA



05200



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
VAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA